



IBADAH Qurban



Disediakan Oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK
<http://mufti.perak.gov.my>
[email:muftiperak@perak.gov.my](mailto:muftiperak@perak.gov.my)

Diterbitkan Oleh:

Bahagian Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Perak,
Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
[Http://mufti.perak.gov.my](http://mufti.perak.gov.my)
Email: muftiperak@perak.gov.my

Cetakan Pertama 1999

Cetakan Kedua 2006

Cetakan Ketiga 2009

KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
QURBAN	1
DALIL PENSYARIATANNYA	1
FADILATNYA	2
HIKMAH BERQURBAN	4
HUKUM MELAKSANAKAN IBADAH QURBAN	4
KEPADA SESIAPA IANYA DISUNATKAN	6
SYARAT SAH QURBAN	6
JENIS HAIWAN YANG DIBOLEHKAN UNTUK DIJADIKAN KORBAN	7
UMUR BINATANG YANG DIJADIKAN QURBAN	8
KECATATAN YANG MENGHALANG SAHNYA QURBAN	9
WAKTU PELAKSANAAN IBADAH QURBAN	11
HUKUM DAGING QURBAN	12
QURBAN BAGI PIHAK ORANG LAIN	13
NIAT IBADAH QURBAN	14
PERKARA-PERKARA SUNAT KETIKA MELAKSANAKAN IBADAH QURBAN	14
PERKONGSIAN QURBAN	16
RUJUKAN	16

❖ QURBAN ❖

Menyembelih binatang yang tertentu jenisnya (yang dikategorikan sebagai (الأَنْعَام) dengan niat mendekatkan diri kepada Allah dan dilaksanakan pada hari raya Eidil Adha dan pada hari-hari tasyriq selepasnya.

DALIL PENSYARIATANNYA:

- i) AI-Quran

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾

Ertinya: *Oleh itu kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah (sebagai bersyukur).*

(Surah Al-Kauthar ayat 2)

- ii) AI-Hadith : Hadith yang diriwayatkan oleh Anas.

صَحَّحِي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبْشَيْنِ
أَمْلَحَيْنِ أَقْرَنَيْنِ

Ertinya: *Rasulullah S.A.W. mengorbankan dua ekor kibas berwarna putih dan bertanduk.*

- iii) Seluruh umat Islam bersepakat ibadah qurban ini telah disyariatkan oleh Islam.

FADHILATNYA:

Ibadah qurban ini mempunyai fadhilat yang besar. Antaranya ialah yang tergambar dalam hadith yang diriwayatkan oleh At-Tirmizi.

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا عَمِلَ
آدَمِي مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ إِهْرَاقِ
الدَّمِّ إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأُظْلَافِهَا
وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ عَلَى
الْأَرْضِ فَطَبِّبُوا بِهَا نَفْسًا.

Ertinya: *Daripada Aishah bahawa Rasulullah S.A.W. Bersabda, tiada amalan anak Adam yang dilakukan daripada hariraya Eidil Adha yang disukai oleh Allah*

melainkan berkorban. Haiwan yang dikorbankan itu bersama tanduk-tanduknya, bulu-bulu dan kuku-kukunya akan datang kepadanya pada hari Qiamat. Dan sesungguhnya ibadah ini akan diterima Allah sebelum menitisnya darah sembelihan ke bumi.

Antara hadith yang lain ialah ancaman kepada mereka yang mampu untuk melaksanakan Ibadah qurban sepertimana yang diriwayatkan Al-Hakim:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ وَجَدَ سَعَةً فَلَمْ يَضِيعْ فَلَا يَحْضُرُنَّ مَعَنَا مُصَلِّئًا

Ertinya: *Daripada Abu Hurairah (r.a.) katanya, Sabda Rasulullah S.A.W. Barang siapa yang ada kemampuan untuk berkorban tetapi tiada melaksanakannya, janganlah ia hadir bersama kami di tempat sembahyang kami.*

Ar-Rafie dan Ibnu Rif'ah ada menyebutkan:

عَظُمُوا ضَحَايَاكُمْ فَإِنَّهَا عَلَى الصِّرَاطِ مَطَايَاكُمْ

Ertinya: *Berqurbanlah dengan haiwan yang besar kerana ia akan menjadi tunggangan kamu di atas titian* الصراط .

HIKMAH BERQURBAN:

- i) Memperingati peristiwa ketaatan Nabi Ibrahim A.S. yang sanggup menyahut perintah Allah untuk mengorbankan anaknya Nabi Ismail A.S.
- ii) Melahirkan tanda bersyukur kepada Allah terhadap nikmat-nikmatnya yang melimpah ruah.
- iii) Menanamkan perasaan kasih sayang antara si kaya dan si miskin.

HUKUM MELAKSANAKAN IBADAH QURBAN:

Iman Abu Hanifah berpendapat ia wajib dilaksanakan sekali setahun ke atas orang-orang yang bermuqim.

Imam Syafie berpendapat ia adalah sunat ain kepada setiap individu seumur hidup sekali dan sunat kifayah

sesebuah keluarga berdasarkan hadith Mikhnaf bin Sulaim.

كُنَّا وَقُوفًا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمِعْتُهُ
يَقُولُ يَا أَيُّهَا النَّاسُ عَلَى كُلِّ أَهْلِ بَيْتٍ فِي كُلِّ عَامٍ
أُضْحِيَّةٌ

Ertinya: *Kami mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda ketika kami wuquf bersama-sama baginda: Wahai manusia setiap keluarga hendaklah berqurban pada tiap-tiap tahun.*

(Hadith riwayat Ahmad, Ibnu Majah dan Tirmizi)

Bertukar hukum qurban ini wajib dalam keadaan-keadaan berikut:-

- i) Bernazar seperti ungkapan bagi Allah atasku bahawa aku perbuat qurban haiwan ini”.
- ii) Penentuan (*التعيين*) seperti ungkapan “lembu ini aku jadikan qurban”.

Maka dalam kedua-dua keadaan di atas, bertukar hukum qurban daripada sunnat kepada wajib dan

daging tersebut tidak dibenarkan untuk dimakan oleh empunya qurban dan tanggungannya.

KEPADA SESIAPA IANYA DISUNATKAN:

Menurut Mazhab Syafie, ibadah qurban disunatkan kepada mereka yang mempunyai harta yang melebihi keperluan dirinya dan tanggungannya pada hari raya Eidil Adha dan hari-hari tasyriq seterusnya (11, 12, 13 Zulhijjah) termasuklah orang yang sedang bermusafir ataupun yang sedang mengerjakan haji.

Manakala kanak-kanak tidak disunatkan melakukan ibadah qurban.

SYARAT SAH QURBAN:

- i) Haiwan yang hendak diqurbankan itu hendaklah dalam keadaan sempurna tanpa ada kecacatan yang nyata dan mengurangkan daging atau memudharatkan kesihatan.
- ii) Ianya dilakukan pada waktu yang dikhususkan untuk dijalankan ibadah qurban.

- iii) Ibadah qurban hendaklah disertakan dengan niat.

JENIS HAIWAN YANG DIBOLEHKAN UNTUK DIJADIKAN QURBAN:

Ulama' bersepakat bahawa tidak sah berqurban kecuali ke atas binatang-binatang yang dikategorikan sebagai (الأَنْعَامُ) iaitu unta, lembu (termasuk kerbau), kambing beserta dengan jenis-jenisnya sama ada jantan ataupun betina berdasarkan kepada firman Allah:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ
عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ

Ertinya: *Dan bagi tiap-tiap umat, kami syariatkan ibadah menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaannya kepada mereka, binatang-binatang ternak yang disembelih itu.*

(Surah Al-Haj : 34)

Menurut aturan yang lebih utama. Ulama As-Syafieyah mengaturnya seperti berikut:

Unta, lembu, kambing, biri-biri dan kambing biasa.

Tujuh ekor kambing adalah lebih afdal dari seekor unta atau lembu.

Haiwan jantan, gemuk dan berwarna putih adalah afdal untuk tujuan qurban.

UMUR BINATANG YANG DIJADIKAN QURBAN :

- i) Unta :
5 tahun dan masuk umurnya 6 tahun
- ii) Lembu dan Kambing :
2 tahun masuk ke tahun ketiga
- iii) Kibas :
setahun atau bersalin gigi hadapan walaupun belum cukup setahun tetapi melebihi 6 bulan.

KECACATAN YANG MENGHALANG SAHNYA QURBAN:

Ada empat kecacatan utama yang telah disepakati oleh ulama' berdasarkan hadits riwayat Barra' bin Azib.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَرْبَعٌ لَا تَجُوزُ فِي الْأَضَاحِيِّ الْعَوْرَاءُ الْبَيِّنُ عَوْرُهَا وَالْمَرِيضَةُ الْبَيِّنُ مَرَضُهَا وَالْعَرَجَاءُ الْبَيِّنُ ضَلْعُهَا وَالْكَاسِيرُ (أَوْ الْعَجْفَاءُ) الَّتِي لَا تُنْقِي

Ertinya: Sabda Rasulullah S.A.W. empat jenis kecacatan yang tidak harus diperbuat qurban buta sebelah mata, berpenyakit, tempang dan terlalu kurus.

Daripada hadits di atas ulama' telah menqiaskan kepada kecacatan yang seumpamanya atau lebih teruk kepada kecacatan tersebut. Ia dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Tiada atau terpotong telinga ataupun lidahnya walaupun sedikit begitu juga yang terpotong ekornya.
2. Gila.
3. Berkudis walaupun sedikit.
4. Haiwan yang baru melahirkan anak atau yang bunting.
5. Tersangat kurus.
6. Buta sebelah mata atau kedua-duanya.
7. Berpenyakit.
8. Tersangat tempang.

Tetapi jika ia bernazar dengan binatang yang sudah ada kecacatan tersebut, wajar juga ia menunaikannya.

Haiwan yang tiada berekor, haiwan yang tidak bergigi atau yang patah setengah giginya, haiwan yang tiada berzakar, haiwan yang dikasi zakarnya boleh dijadikan haiwan dikorbankan.

Makruh mengorbankan haiwan yang tidak bertanduk atau yang patah tanduknya begitu juga haiwan yang terbelah atau tebuk telinganya.

WAKTU PERLAKSAAN IBADAH QURBAN:

Selepas terbit matahari hari raya Eidil Adha dan lalu masa dua rakaat solat Eidil Adha dan khutbah yang ringan kadarnya.

Tetapi lebih afdal dilewatkan sekadar naik matahari segalah (waktu solat dhuha) dan berkekalan waktu perlaksanaannya sehingga jatuh matahari akhir hari tasyriq (13 Zulhijjah) berdasarkan hadith Ibn Hibban:

فِي كُلِّ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ ذَبْحٌ

Ertinya: *Pada setiap hari Tasyriq boleh dilakukan qurban.*

Ibadah ini boleh dilakukan siang dan malam tetapi makruh dilakukan pada waktu malam.

Ulama' berpendapat waktu yang paling afdal ialah pada hari raya pertama Eidil Adha sebelum tergelincir matahari.

HUKUM DAGING QURBAN

1. **Qurban wajib dan qurban nazar**

Haram ia makan daripada qurban itu, begitu juga tanggungannya. Wajib disedekahkan kesemuanya secara mentah termasuk kulit dan tanduknya. Jika haiwan itu mempunyai anak, hendaklah disembelih juga tetapi makruh dimakan oleh empunya qurban.

2. **Qurban Sunat**

Sunat dimakan beberapa suapan. Selebihnya disedekahkan kepada fakir miskin dalam keadaan mentah (belum dimasak).

Pendapat yang (الأصح) - wajib bersedekah dengan sebahagian qurbannya dan memadai sedekah itu walaupun seorang. Namun yang paling afdal ia disedekahkan seluruhnya kecuali beberapa suapan yang akan dimakannya. Cara pembahagian yang lain ialah $\frac{1}{3}$ disedekahkan kepada fakir

miskin, sementara 1/3 bahagian yang lain dihadiahkan kepada orang kaya muslim dan 1/3 untuk dirinya dan tanggungannya.

3. Tidak harus memindahkan daging qurban ke daerah lain seperti juga pada hukum zakat.
4. Haram dan tidak sah menjual daging, bulu atau kulit binatang qurban.
5. Tidak boleh menjadikan daging, bulu atau kulit binatang qurban itu seperti upah kepada penyembelihan kecuali atas dasar sedekah kepada penyembelih.

QURBAN BAGI PIHAK ORANG LAIN :

1. Tidak sah melakukan ibadah qurban bagi pihak orang lain yang masih hidup tanpa keizinannya.
2. Begitu juga bagi pihak simati jika tiada wasiat daripadanya.

3. Apabila qurban itu dilakukan kerana wasiat simati maka wajib disedekahkan keseluruhannya.

NIAT IBADAH QURBAN:

Tidak memadai jika seseorang itu membeli binatang dengan niat hendak diqurbankan tanpa dilafazkan niat itu.

Disyaratkan niat pada ketika menyembelih tetapi jika ia mewakili kepada orang lain maka ia perlu berniat kepada orang yang diwakili itu ketika penyerahan binatang korban ini.

Adalah makruh hukumnya mewakilkan kepada kanak-kanak dan orang buta.

Tetapi jika qurban nazar tidak disyaratkan niat.

PERKARA-PERKARA SUNAT KETIKA MELAKSANAKAN IBADAH QURBAN:

Ada beberapa perkara sunat sebelum melakukan qurban antaranya.

Apabila menjelang 10 Zulhijjah digalakkan agar empunya qurban tidak memotong rambut dan kukunya sehingga ia melaksanakan ibadah qurban.

Semasa melaksanakan qurban disunatkan:

1. Membaca *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*
2. Berselawat ke atas Nabi
3. Menghadapkan binatang itu ke arah kiblat di atas lambungnya sebelah kiri jika ia lembu atau kambing.
4. Bertakbir sebelum membaca *بِسْمِ اللَّهِ* dan selepasnya.
5. Berdoa; *اللهم هذه منك وإليك*
Ertinya: *Ini adalah nikmat daripada Mu dan aku mendekatkan diri kepada Mu dengannya.*

Sebaik-baiknya ibadah qurban ini dilaksanakan sendiri tetapi diharuskan diwakilkan kepada orang lain.

PERKONGSIAN QURBAN:

Fuqaha' bersepakat bahawa tidak harus berkongsi untuk berkorban kambing. Manakala lembu, kerbau atau unta boleh dikongsi seramai 7 orang walaupun tidak kesemuanya bersepakat untuk berniat qurban. (Niat yang berlainan antara satu sama lain)

RUJUKAN:

- المجموع شرح المذهب - الجزء الثامن
حاشية الشرقاوى على التحرير - المجلد الثانى
الفقه الإسلامى و أدلته - الجزء الثالث
فقه السنة - المجلد الثانى
مغنى المحتاج - المجلد الرابع
مطلع البدرين ومجمع البحرين

Sebarang Cadangan Dan Pandangan
Boleh Dikemukakan Kepada KAMI...

Tel: 05-2545332

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK,
TINGKAT 5, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

[Http://mufti.perak.gov.my](http://mufti.perak.gov.my)

Email: muftiperak@perak.gov.my

CENDEKIA DIKSI

NO 31B, WISMA MEBEA, TINGKAT 2,
JALAN LIM BO SENG, 30300 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.
TEL : 05 - 2494221 FAX : 05 - 2494223.